

Jangan biarkan syarikat mudah jatuh - Tun M

Bekas Perdana Menteri setuju kerajaan bantu SEB

**Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN
SHAH ALAM**

Bantuan kepada syarikat yang bermasalah boleh dilakukan kerajaan sekiranya ia berdasarkan kajian menyeluruh dan mempunyai alasan kukuh untuk berbuat demikian.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Monamad berkata, langkah tersebut bagi mengelakkan syarikat tersebut jatuh yang memberi kesan kepada ekonomi dan tenaga kerja.

“Kalau mereka (kerajaan) buat kajian dahulu dan ada sebab, (kerajaan) boleh

bantu. Jangan kita bagi sesuatu syarikat itu mudah jatuh.

“Namun, kena tentukan wang yang diberikan itu digunakan dengan baik,” katanya kepada *Sinar Harian* ketika menghadiri program Iftar Ala Madinah @ Karangraf di Kompleks Kumpulan Karangraf di sini pada Rabu.

Ujar Dr Mahathir, meskipun terdapat dakwaan bahawa peruntukan dana itu dilabel sebagai *bailout* namun langkah berkenaan penting bagi menyelamatkan syarikat terutama mempunyai jumlah pekerja yang ramai.

“Mungkin ia adalah *bailout* tetapi mana-mana syarikat pun kita perlu *bailout* kerana kegagalan satu-satu syarikat memberi kesan, bukan sahaja kepada pemilik tetapi juga

pekerja.

“Jadi, kita kena fikir tentang masalah mereka juga,” katanya.



DR MAHATHIR